



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
LESEN MENGIMPORT, SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT
DAN SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN
HAIWAN**

TARIKH KUATKUASA

1 JANUARI 2010

Pindaan DISEMBER 2025

NAMA PENDAFTARAN

1. **Lesen Mengimport** Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.
2. **Sijil Pendaftaran Pembuat** Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.
3. **Sijil Pendaftaran Penjual** Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.

NAMA AGENSI / PIHAK BERKUASA MELESEN

Lembaga Makanan Haiwan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENDAFTARAN

1. Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698)
2. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Lesen Untuk Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012
3. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012
4. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012
5. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kesalahan Boleh Kompaun) 2019
6. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Antibiotik, Hormon dan Bahan Kimia Lain Terlarang) 2012
7. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Antibiotik, Hormon dan Bahan Kimia Lain Terlarang) (Pindaan Jadual) 2023

8. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) (Pindaan) 2023

OBJEKTIF PENDAFTARAN

Mengawal selia kualiti makanan haiwan dengan mengawal pengimportan, makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan, untuk memastikan bahawa makanan haiwan memenuhi keperluan nutrien bagi haiwan, tidak memudaratkan haiwan dan tidak tercemar supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia dan selamat untuk kegunaan lain dan bagi perkara lain yang bersampingan dengannya.

TAKRIFAN / DEFINISI MAKANAN HAIWAN, BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN DAN PEMBUATAN

1. **Makanan Haiwan** adalah “Apa-apa bahan tunggal atau pelbagai sama ada diproses, separuh diproses atau mentah, yang bertujuan untuk diberi makan kepada haiwan”
2. **Bahan Tambahan Makanan Haiwan** adalah “Apa-apa ramuan yang ditambah, termasuk mikroorganisma dan enzim yang biasanya tidak digunakan sebagai makanan haiwan dengan sendirinya, sama ada ia mempunyai nilai nutrient atau tidak, yang menjejaskan ciri-ciri makanan haiwan atau keluaran haiwan”
3. **Pembuatan** adalah “Merumuskan, menyediakan, menyebatkan, mencampurkan, membuat, membungkus, melabel atau mengolah makanan haiwan itu dengan tujuan untuk menjualnya atau untuk kegunaan sendiri tetapi tidak termasuk penyelidikan atau uji kaji *bona fide* yang berhubungan dengan makanan haiwan dan apa-apa tindakan yang menjadi sebahagian daripada atau yang bersampingan dengan penyelidikan atau uji kaji itu”

KETERANGAN PENDAFTARAN / APA YANG DIDAFTARKAN

1. Pengimportan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.

2. Pembuatan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan dalam negara.
3. Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan dalam negara dan eksport.

SIAPA YANG BOLEH MOHON / KELAYAKAN PEMOHON

1. Individu atau syarikat yang mengimport, membuat dan/atau menjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.
2. Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
3. Bagi individu, syarikat yang menjalankan aktiviti melalui koperasi perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
4. Pemohon mestilah salah seorang daripada ahli lembaga pengarah (BOD) atau seseorang yang mempunyai liabiliti dalam syarikat atau mendapat mandat bertulis dari syarikat.

BILA PERLU DIPOHON

1. Pemohon yang ingin mengimport, membuat, dan menjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan perlu memohon dengan Lembaga Makanan Haiwan.
2. Permohonan baru dan permohonan perubahan bagi Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat dan Sijil Pendaftaran Penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan mestilah dibuat secara dalam talian sepanjang tahun melalui sistem Akta Makanan Haiwan (sistem e-AMH).
3. Permohonan pembaharuan bagi Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat, dan Sijil Pendaftaran Penjual hendaklah dibuat mulai 1 Oktober sehingga 1 Disember tahun semasa. Pembaharuan lewat boleh dibuat sehingga 30 September tahun berikutnya dengan denda.
4. Sekiranya pembaharuan tidak dibuat sebelum 30 September tahun berikutnya, Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat, dan Sijil Pendaftaran Penjual tersebut akan terbatal.

5. Pemohon yang ingin mengaktifkan semula Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat, dan Sijil Pendaftaran Penjual perlu membuat permohonan baru.

KAEDAH PERMOHONAN

1. Permohonan Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat, dan Sijil Pendaftaran Penjual hendaklah dibuat sepenuhnya secara dalam talian melalui sistem e-AMH di <https://eamh.dvs.gov.my>.
2. Sekiranya pemohon menghadapi sebarang kekeliruan berkaitan arahan dalam sistem semasa membuat permohonan, sila rujuk garis panduan permohonan atau manual pengguna yang disediakan di laman utama system e-AMH.
3. Permohonan secara manual tidak akan diproses dan dilayan.

TEMPOH PEMPROSESAN

Tempoh pemprosesan permohonan Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat dan Sijil Pendaftaran Penjual Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan adalah **30 hari bekerja**.

PRODUK YANG DIBENARKAN UNTUK PERMOHONAN LESEN MENGIMPORT, SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT DAN SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL

1. Terdapat tujuh (7) kategori makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang wajib didaftarkan seperti berikut:
 - i. Bijirin
 - ii. Foraj
 - iii. Produk Biologik
 - iv. Produk Kimia
 - v. Makanan Haiwan Terumus
 - vi. Produk Sampingan Haiwan
 - vii. Produk Sampingan Pertanian

2. Setiap kategori di atas mengandungi pelbagai sub kategori makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan. Sila rujuk **Lampiran 1** untuk senarai lengkap sub kategori tersebut.
3. Semua jenis makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang tersenarai dalam semua kategori dan sub kategori tersebut wajib didaftarkan dengan Lembaga Makanan Haiwan (LMH) di bawah Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat, dan Sijil Pendaftaran Penjual sekiranya terlibat dalam aktiviti pengimportan, pembuatan dalam negara, atau penjualan sama ada di pasaran tempatan mahupun untuk tujuan eksport.
4. Bagi permohonan baru Sijil Pendaftaran Penjual, hanya produk yang telah diluluskan dan didaftarkan oleh pembekal yang aktif akan dipaparkan dalam sistem e-AMH.
5. Bagi pengimport dan pembuat yang telah mendaftarkan produk mereka di bawah Lesen Mengimport (untuk produk yang diimport) atau Sijil Pendaftaran Pembuat (untuk produk buatan tempatan) boleh membuat permohonan Sijil Pendaftaran Penjual dengan menyalin maklumat daripada Lesen atau Sijil Pendaftaran Pembuat mereka sendiri pada sistem e-AMH.
6. Sekiranya sesuatu produk makanan haiwan atau bahan tambahan makanan itu tidak tersenarai dalam sistem e-AMH, ini bermaksud produk tersebut belum didaftarkan dengan LMH.
7. Pemohon perlu menghubungi pemilik atau pengeluar produk berkenaan untuk meminta mereka mendaftarkan produk tersebut dalam sistem e-AMH terlebih dahulu sebelum permohonan dapat diteruskan.

PENDAFTARAN AKAUN BARU

1. Pemohon baru perlu mendaftar akaun di laman web rasmi iaitu <https://eamh.dvs.gov.my>.

2. Pemohon perlu mengisi maklumat lengkap berkaitan syarikat dan pengguna serta memuat naik dokumen sokongan dengan lengkap.
3. Bagi syarikat Sdn. Bhd., pemohon perlu memuat naik Memorandum and Articles of Association (MAA) dan Form 49; manakala, bagi syarikat jenis Enterprise atau lain-lain, perlu memuat naik dokumen SSM dan maklumat perniagaan sebagai bukti jawatan. Sebagai alternatif, dokumen juga boleh diperolehi melalui MYDATA SSM, SSM EzBIZ, atau SSM e-info.
4. Dokumen sokongan MAA/Form 49 atau SSM dan maklumat perniagaan ini hendaklah digabungkan dan diimbangi bersekali serta disimpan pada satu fail pdf sahaja sebelum dimuat naik pada sistem e-AMH.
5. Pemohon yang didaftarkan mestilah terdiri daripada salah seorang daripada ahli lembaga pengarah (BOD) atau pegawai dalam senarai MMA, Form 49, SSM atau yang dilantik secara bertulis.
6. Sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat syarikat atau pengguna, dokumen baharu hendaklah dimuat naik untuk tujuan pengemaskinian.
7. Pemohon akan menerima emel kelulusan beserta ID pengguna dan kata laluan, atau penolakan beserta ulasan dalam masa 1-2 hari bekerja.
8. Sila rujuk panduan bergambar pada muka surat 7 yang disediakan dalam Manual Pengguna Sistem e-AMH 2.0

PROSES PERMOHONAN BARU BAGI LESEN UNTUK MENGIMPORT

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan Lesen Mengimport melalui sistem e-AMH dengan menggunakan **ID Pengguna** dan **Kata Laluan** yang diberi.
2. Selepas memasukkan ID Pengguna dan Kata Laluan, pemohon perlu menekan butang **MAKLUMAT PERMOHONAN** pada paparan skrin.

3. Klik **MAKLUMAT PERMOHONAN**, pilih modul **LESEN MENGIMPORT** dan **PERMOHONAN BARU**.
4. Pilih pintu masuk (pelabuhan atau pintu sempadan) dan klik **SETERUSNYA**.
5. Muat naik salinan Kad Pengenalan dan klik **SETERUSNYA**.
6. Klik **TAMBAH ITEM**, isi maklumat yang diperlukan seperti:
 - i. Item (masukkan nama item atau produk yang akan diimport)
 - ii. Negara asal
 - iii. Kategori dan sub kategori. Sila rujuk **Lampiran 1**
 - iv. Anggaran kuantiti
 - v. Bahan mentah dan takat penggunaanya (bagi bahan mentah yang mempunyai takat penggunaan). Sila rujuk **Lampiran 2** bagi senarai takat penggunaan yang dibenarkan. Takat yang melebihi dari takat yang dibenarkan akan ditolak.
 - vi. Jenis haiwan yang dirujuk. Sila rujuk **Lampiran 3** bagi senarai haiwan yang dirujuk.
 - vii. Status pendaftaran sama ada Seksyen Perkhidmatan Import Eksport atau Seksyen Perubatan dan Bahan Biologi Veterinar (sekiranya berkaitan).
 - viii. Alamat penyimpanan
7. Pemohon hendaklah **memuat naik dokumen-dokumen berikut** (Hanya dokumen *JPG, JPEG, PDF @ PNG* sahaja yang boleh dimuatnaik);
 - i **Penyata Negara Asal (Certificate of Origin)**.
 - a. Sijil ini hendaklah dikeluarkan oleh pihak negara asal pengeksport dan mestilah dari pihak Kerajaan dan bukannya pengilang atau pihak swasta.
 - b. **Free Sale Certificate (FSC)** boleh dimuat naik sebagai pengganti kepada COO (Jika ketiadaan COO). FSC hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten negara asal dan bukannya dari pengilang atau pihak swasta.
 - ii **Spesifikasi Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan atau Certificate of Analysis (COA)** bagi setiap item.
 - a. Sijil analisis COA hendaklah disahkan oleh pihak berkuasa kompeten

dari Negara Asal atau;

- b. dikeluarkan oleh makmal kerajaan di Negara asal atau;
- c. dikeluarkan oleh makmal pihak ketiga di negara asal yang mendapat pensijilan ISO/IEC 17025 / mempunyai lain-lain akreditasi atau pensijilan yang diiktiraf. Salinan sijil akreditasi ISO makmal juga perlu dimuatnaik bersama COA. Sila rujuk **Lampiran 4** bagi parameter COA.

- iii **Penyata deklarasi daripada pihak pengeluar** yang menerangkan maksud bahawa kesemua item yang diimport samada mengandungi atau tidak unsur tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma.
- iv **Penyata deklarasi daripada pembuat** dengan menyatakan sumber biologik yang digunakan dan nama saintifiknya (bagi produk biologik sahaja).
- v **Penyata pembungkusan** iaitu gambar bungkusan produk sebenar, ilustrasi produk 2D atau 3D. Pandangan tepi, depan dan belakang. Gambar atau ilustrasi hendaklah berwarna dan jelas. Sila rujuk **Lampiran 5** bagi contoh gambar penyata pembungkusan.
- vi **Penyata pelabelan** iaitu gambar label pada bungkusan dengan berwarna dan jelas. Bagi item pukal, label boleh di buat pada sehelai kertas [perlu ada kepala surat (letterhead) pengilang negara asal]. Label hendaklah mematuhi keperluan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012. Pelabelan untuk item pukal perlu disertakan bersama konsainan semasa pengangkutan. Sila rujuk **Lampiran 6** bagi contoh gambar penyata pelabelan.
- vii Surat Kelulusan daripada Seksyen Perkhidmatan Import Eksport (SPIE), DVS bagi produk yang berasaskan haiwan (animal based) selain ikan. Contoh seperti susu, keju, telur, daging ayam, lembu, meat & bone meal (MBM) dan lain-lain.
- viii Surat kelulusan atau pendaftaran daripada Seksyen Biologik dan Perubatan Veterinar, DVS bagi produk biologik (e.g probotik, yis, enzim, hormon) bagi bahan biologic yang tiada di dalam senarai GRAS (Generally Recognized As Safe). Sila rujuk **Lampiran 7** bagi senarai GRAS.

8. Klik **SIMPAN MAKLUMAT** selepas selesai memuat naik dokumen. Ulang proses jika ingin menambah item berikutnya.
9. Klik **SETERUSNYA**, buat pengakuan kebenaran maklumat, kemudian klik **HANTAR PERMOHONAN**.
10. Terima notifikasi kelulusan atau penolakan melalui emel atau pada modul Notis pada sistem e-AMH.
11. Klik modul **SENARAI PERMOHONAN**, kemudian klik butang \$ di ruangan tindakan, cetak invois, dan buat pembayaran di kaunter Seksyen Kewangan dan Akaun, Putrajaya.
12. Bayaran boleh dibuat di Seksyen Kewangan dan Akaun, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Tingkat 1, Blok Podium 1A, Bangunan 4G1, Wisma tani, No 28, Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya.
13. Sila rujuk **BAYARAN LESEN MENGIMPORT / SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT / SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL** untuk cara-cara pembayaran dan fi yang dikenakan.
14. Pemohon boleh membuat bayaran secara tunai, bank draf, cek, kiriman wang atau wang pos atas nama KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR sahaja.
15. Pemohon dikehendaki memuat naik resit pembayaran pada modul SENARAI PERMOHONAN dan klik tidak pada cetakan invois dan masukkan nombor resit dan tarikh pembayaran dan tekan butang hantar.
16. Urusetia akan membuat pengesahan sebelum kelulusan cetakan Lesen.
17. Pemohon boleh mencetak lesen pada modul Cetakan Sijil.
18. Sila rujuk panduan bergambar pada muka surat 25 yang disediakan dalam Manual Pengguna Sistem e-AMH 2.0

PROSES PERMOHONAN BARU BAGI SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan Sijil Pendaftaran Pembuat melalui sistem e-AMH dengan menggunakan **ID Pengguna dan Kata Laluan** yang diberi.
2. Selepas memasukkan ID Pengguna dan Kata Laluan, klik butang **MAKLUMAT PERMOHONAN** pada paparan skrin.
3. Pilih modul **SENARAI BAHAN MENTAH**, klik **Tambah Bahan Mentah** dan **Maklumat Bahan Mentah akan dipaparkan**. Pilih pembekal dan bahan mentah yang disenaraikan sahaja.
4. Pemohon perlu menghubungi pihak pembekal sekiranya bahan mentah yang hendak dipilih tiada dalam senarai yang dipaparkan.
5. Klik **SIMPAN MAKLUMAT** selepas setiap kali memilih maklumat pembekal.
6. Seterusnya, pemohon perlu memilih sub modul **PERMOHONAN BARU SIJIL PEMBUAT** pada paparan skrin sistem e-AMH
7. Pilih jenis perniagaan sama ada kilang makanan haiwan (feedmiller), homemixer, premix/additif, pet food atau lain-lain dan kemudian tekan butang SETERUSNYA.
8. Klik **TAMBAH ITEM** pada paparan **MAKLUMAT PERMOHONAN BARU SIJIL PEMBUAT**.
9. Masukkan maklumat-maklumat berikut;
 - i. Nama item/Jenama Produk
 - ii. Sub kategori. Sila rujuk **Lampiran 1**.
 - iii. Kategori makanan. Sila rujuk **Lampiran 1**.
 - iv. Jenis haiwan yang dirujuk. Sila rujuk **Lampiran 3**.
 - v. Kegunaan (sama ada tempatan atau eksport. Jika pilih eksport, maksimum 25 negara sahaja dibenarkan, termasuklah eksport ke Sabah dan Sarawak)
 - vi. Pemohon perlu memilih bahan mentah yang telah tersenarai di dalam sistem.

10. Jika pemohon ingin menambah bahan mentah, pemohon perlu klik **TAMBAH BAHAN MENTAH**
11. Pemohon hendaklah memuat naik carta alir **Penyata Pembuatan** bagi Proses penghasilan produk dengan menerangkan cara pembuatan serta bahan mentah (raw material) yang digunakan dan disahkan oleh pengilang (nama dan jawatannya).
12. Pemohon hendaklah memuat naik **Penyata Pembungkusan**. Gambar produk sebenar, ilustrasi produk 2D atau 3D. Pandangan tepi, depan dan belakang. Gambar atau ilustrasi hendaklah berwarna dan jelas. Contoh penyata pembungkusan sila rujuk **Lampiran 5**.
13. Pemohon hendaklah memuat naik **Penyata Pelabelan**. Label hendaklah memenuhi keperluan Peraturan - Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012. Sila rujuk **Lampiran 6**.
14. Pemohon hendaklah memuatnaik **Penyata Analisis Produk Akhir** iaitu keputusan analisis COA daripada makmal yang diakreditasi ISO 17025 sama ada makmal in-house atau pihak ketiga. Sila rujuk **Lampiran 4** bagi parameter COA.
15. Hanya dokumen *JPG, JPEG, GIF, PNG @ PDF* sahaja yang boleh dimuatnaik.
16. Sila ulangi semua langkah di atas, sekiranya ingin mendaftarkan lebih daripada satu item atau produk.
17. Pemohon perlu klik butang **SETERUSNYA**.
18. Klik butang perakuan bahawa butir-butir permohonan yang dilampirkan adalah benar dan klik **HANTAR PERMOHONAN**.
19. Pemohon akan terima notifikasi kelulusan atau penolakan melalui emel atau pada modul Notis pada sistem e-AMH.

20. Klik modul **SENARAI PERMOHONAN**, kemudian klik butang \$ di ruangan tindakan, cetak invois, dan buat pembayaran di kaunter Seksyen Kewangan dan Akaun, Putrajaya.
21. Bayaran boleh dibuat di Seksyen Kewangan dan Akaun, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Tingkat 1, Blok Podium 1A, Bangunan 4G1, Wisma tani, No 28, Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya.
22. Sila rujuk **BAYARAN LESEN MENGIMPORT / SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT / SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL** untuk cara-cara pembayaran dan fi yang dikenakan.
23. Pemohon boleh membuat bayaran secara tunai, bank draf, cek, kiriman wang atau wang pos atas nama KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR sahaja.
24. Pemohon dikehendaki memuat naik resit pembayaran pada modul SENARAI PERMOHONAN dan klik pada sijil digital serta pilih BATAL pada cetakan invois.
25. Pemohon perlu muat naik resit, masukkan nombor resit, tarikh pembayaran dan tekan butang SETERUSNYA.
26. Urusetia akan membuat pengesahan sebelum kelulusan cetakan sijil.
27. Pemohon boleh mencetak lesen pada modul Cetakan Sijil.
28. Sila rujuk panduan bergambar pada muka surat 51 yang disediakan dalam Manual Pengguna Sistem e-AMH 2.0

PROSES PERMOHONAN BARU BAGI SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL

1. Pemohon boleh membuat permohonan Sijil Pendaftaran Penjual melalui sistem e-AMH dengan menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan yang diberi.
2. Pemohon perlu klik butang Permohonan Baru Penjual.

3. Pilih jenis perniagaan dan klik SETERUSNYA.
4. Pemohon perlu tekan ada (✓) untuk **Kad Pengenalan/Passport Pemohon**. Sekiranya ada perubahan nama pemohon, pemohon boleh tekan butang simbol muatnaik dokumen dan tekan butang SETERUSNYA.

5. **Butang Tambah item**

- i. Khas untuk pemohon baru yang ingin mendaftar.
- ii. Pemohon perlu klik **Tambah Item**.
- iii. Pilih **Nama Pembekal** dan **Nama Item**.
- iv. Klik kotak **Kegunaan** sama ada **tempatan** atau **eksport**.
- v. Sekiranya eksport, pemohon perlu masukkan negara eksport.
- vi. Maksimum negara eksport adalah sebanyak 25 negara sahaja.
 - i. Pemohon perlu klik SIMPAN MAKLUMAT dan SETERUSNYA dan klik perakuan serta HANTAR PERMOHONAN.
- vii. Ulangi langkah yang sama sekiranya ingin menambah item.

6. **Butang Salin Maklumat Dari Lesen;**

- i. Hanya untuk syarikat milik sendiri yang itemnya telah diluluskan dalam Lesen Mengimport sahaja.
- ii. Pemohon hanya perlu klik **Salin Maklumat Dari Lesen**.
- iii. Pemohon perlu pilih **Nama Item**.
- iv. Pemohon perlu tekan kotak **kegunaan** sama ada **tempatan** atau **eksport**.
- v. Sekiranya eksport, pemohon perlu memilih negara eksport.
- vi. Maksimum negara eksport adalah sebanyak 25 negara sahaja.
 - i. Pemohon perlu klik SIMPAN MAKLUMAT dan SETERUSNYA dan klik perakuan serta HANTAR PERMOHONAN.
- vii. Ulangi langkah yang sama sekiranya ingin menambah item.

7. **Butang Salin Maklumat Dari Pembuat;**

- i. Hanya untuk syarikat milik sendiri yang itemnya telah diluluskan dalam Sijil Pendaftaran Pembuat sahaja.
- ii. Pemohon hanya perlu tekan butang **Salin Maklumat Dari Pembuat**.
- iii. Pemohon hanya perlu pilih **Nama Item**.
- iv. Pemohon perlu klik SIMPAN MAKLUMAT dan SETERUSNYA dan klik perakuan serta HANTAR PERMOHONAN.

- v. Ulangi langkah yang sama sekiranya ingin menambah item.
8. Seterusnya, klik **perakuan** bagi mengesahkan kesemua butiran permohonan dan dokumen yang dilampirkan adalah benar dan HANTAR.
 9. Pemohon terima notifikasi kelulusan atau penolakan melalui emel atau pada modul Notis pada sistem e-AMH.
 10. Klik modul **SENARAI PERMOHONAN**, kemudian klik butang \$ di ruangan tindakan, cetak invois, dan buat pembayaran di kaunter Seksyen Kewangan dan Akaun, Putrajaya.
 11. Bayaran boleh dibuat di Seksyen Kewangan dan Akaun, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Tingkat 1, Blok Podium 1A, Bangunan 4G1, Wisma tani, No 28, Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya.
 12. Sila rujuk **BAYARAN LESEN MENGIMPORT / SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT / SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL** untuk cara-cara pembayaran dan fi yang dikenakan.
 13. Pemohon boleh membuat bayaran secara tunai, bank draf, cek, kiriman wang atau wang pos atas nama KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR sahaja.
 14. Pemohon dikehendaki memuat naik resit pembayaran pada modul SENARAI PERMOHONAN dan klik pada sijil digital serta pilih BATAL pada cetakan invois.
 15. Pemohon perlu muat naik resit, masukkan nombor resit, tarikh pembayaran dan tekan butang SETERUSNYA.
 16. Urusetia akan membuat pengesahan sebelum kelulusan cetakan sijil.
 17. Pemohon boleh mencetak lesen pada modul Cetakan Sijil.
 18. Sila rujuk panduan bergambar pada muka surat 68 yang disediakan dalam Manual Pengguna Sistem e-AMH 2.0.

CARA PENGISIAN REKOD BAGI LESEN MENGIMPORT, SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT DAN SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL

1. Permohonan item / produk di dalam Lesen Mengimport, Sijil Pendaftaran Pembuat dan Sijil Pendaftaran Penjual yang telah lulus sahaja boleh diisikan rekod.
2. **Cara pengisian rekod pengimportan** adalah seperti berikut;
 - i. Pemohon **wajib mengisi REKOD PENGIMPORTAN sepanjang tahun** (mengikut suku tahun) pada sistem e-AMH.
 - ii. Untuk mengisi Rekod Pengimportan, pemohon perlu memilih butang **Lesen Mengimport** pada paparan skrin sistem e-AMH dan memilih **Rekod Pengimport**.
 - iii. Pemohon perlu memilih **tahun** dan **suku tahun (dalam tempoh 3 bulan)** terlebih dahulu pada paparan Maklumat Rekod Pengimportan.
 - iv. Pemohon perlu menekan butang **tambah item** dan masukkan butiran / maklumat tarikh import, nama pengeksport, alamat pengeksport, nama item, kuantiti (dalam unit kg), negara pengeksport, jenis haiwan dirujuk, no rujukan borang K1, nama pintu masuk pada paparan tambah maklumat item.
 - v. Pada paparan tambah maklumat item, pemohon boleh menambah lebih daripada satu item sekiranya nombor rujukan borang K1 mengandungi beberapa item.
 - vi. Pemohon perlu menekan butang **SIMPAN MAKLUMAT** dan butang **SETERUSNYA**.
 - vii. Pemohon perlu klik butang **perakuan** bagi mengesahkan butir-butir permohonan dan dokumen yang dibekalkan adalah benar.
 - viii. Pemohon perlu klik butang **HANTAR PERMOHONAN**.
 - ix. Rekod pengimportan hanya boleh dimasukkan setelah suku tahun berakhir. Sebagai contoh suku tahun 1 (Januari-Mac), rekod boleh dihantar pada bulan April.
 - x. Sekiranya pemohon tiada transaksi import pada mana-mana suku tahun, pemohon perlu klik **SETERUSNYA** dan perlu klik butang **perakuan** tiada sebarang transaksi.

3. **Cara pengisian rekod pembuatan** adalah seperti berikut;

- i. Pemohon **wajib mengisi REKOD PEMBUATAN sepanjang tahun** (mengikut suku tahun) pada sistem e-AMH.
- ii. Untuk mengisi Rekod Pembuatan, pemohon perlu memilih butang **Pendaftaran Sijil Pembuat** pada paparan skrin sistem e-AMH dan memilih **Rekod Pembuat**.
- iii. Pemohon perlu memilih **tahun** dan **suku tahun (dalam tempoh 3 bulan)** terlebih dahulu pada paparan Maklumat Rekod Pembuatan.
- iv. Pemohon perlu klik butang PENSIL pada ruangan Tindakan paparan Maklumat Rekod Pembuatan.
- v. Pemohon perlu masukkan maklumat rekod pembuatan berdasarkan bulan. Masukkan rekod makanan yang dibuat dalam bentuk kilogram (kg).
- vi. Pemohon perlu menekan butang SIMPAN MAKLUMAT dan butang SETERUSNYA.
- vii. Pemohon perlu klik butang perakuan bagi mengesahkan butir-butir permohonan dan dokumen yang dibekalkan adalah benar.
- viii. Pemohon perlu klik butang HANTAR PERMOHONAN.
- ix. Rekod pembuatan hanya boleh dimasukkan setelah suku tahun berakhir. Sebagai contoh suku tahun 1 (Januari-Mac), rekod boleh dihantar pada bulan April.
- x. Sekiranya pemohon tiada transaksi pembuatan pada mana-mana suku tahun, pemohon perlu klik SETERUSNYA dan perlu klik butang perakuan tiada sebarang transaksi.

4. **Cara pengisian rekod penjualan** adalah seperti berikut;

- i. Pemohon **wajib mengisi REKOD PENJUALAN sepanjang tahun** (mengikut suku tahun) pada sistem e-AMH.
- ii. Untuk mengisi Rekod Penjualan, pemohon perlu memilih butang **Pendaftaran Sijil Penjual** pada paparan skrin sistem e-AMH dan memilih **Rekod Penjual**.
- iii. Pemohon perlu memilih **tahun** dan **suku tahun (dalam tempoh 3 bulan)** terlebih dahulu pada paparan Maklumat Rekod Penjual.
- iv. Pemohon perlu klik butang PENSIL pada ruangan Tindakan paparan Maklumat Rekod Penjual.

- v. Pemohon perlu masukkan maklumat rekod penjual berdasarkan bulan. Masukkan rekod makanan yang dijual dalam bentuk kilogram (kg).
- vi. Pemohon perlu menekan butang SIMPAN MAKLUMAT dan butang SETERUSNYA.
- vii. Pemohon perlu klik butang perakuan bagi mengesahkan butir-butir permohonan dan dokumen yang dibekalkan adalah benar.
- viii. Pemohon perlu klik butang HANTAR PERMOHONAN.
- ix. Rekod jualan hanya boleh dimasukkan setelah suku tahun berakhir. Sebagai contoh suku tahun 1 (Januari-Mac), rekod boleh dihantar pada bulan April.
- x. Sekiranya pemohon tiada transaksi jualan pada mana-mana suku tahun, pemohon perlu klik SETERUSNYA dan perlu klik butang perakuan tiada sebarang transaksi.

PROSES PERMOHONAN PEMBAHARUAN BAGI LESEN MENGIMPORT

1. Pemohon boleh mula membuat permohonan pembaharuan Lesen Mengimport tiga bulan sebelum tarikh luput, iaitu bermula 1 Oktober setiap tahun.
2. Permohonan selepas tarikh 1 Disember dikira sebagai permohonan lewat.
3. Pemohon **wajib mengisi REKOD PENGIMPORTAN sepanjang tahun** (mengikut suku tahun) pada sistem e-AMH sebelum memohon pembaharuan Lesen Mengimport.
4. Selepas pemohon selesai menghantar Pengimportan, barulah Permohonan pembaharuan boleh dibuat.
5. Bagi permohonan pembaharuan, pemohon perlu memilih butang LESEN MENGIMPORT pada paparan skrin sistem e-AMH dan pilih butang Pembaharuan.
6. Pemohon perlu menekan butang perakuan bagi mengesahkan butiran permohonan adalah benar dan kemudian klik butang HANTAR PERMOHONAN.
7. Pemohon boleh menyemak status permohonan pada modul SENARAI PERMOHONAN sistem e-AMH.

8. Pemohon akan menerima notifikasi melalui emel dan modul NOTIS sistem e-AMH jika permohonan telah diluluskan.
9. Klik modul **SENARAI PERMOHONAN**, kemudian klik butang \$ di ruangan tindakan, cetak invois, dan buat pembayaran di kaunter Seksyen Kewangan dan Akaun, Putrajaya.
10. Bayaran boleh dibuat di Seksyen Kewangan dan Akaun, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Tingkat 1, Blok Podium 1A, Bangunan 4G1, Wisma tani, No 28, Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya.
11. Sila rujuk **BAYARAN LESEN MENGIMPORT / SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT / SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL** untuk cara-cara pembayaran dan fi yang dikenakan.
12. Pemohon boleh membuat bayaran secara tunai, bank draf, cek, kiriman wang atau wang pos atas nama KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR sahaja.
13. Pemohon dikehendaki memuat naik resit pembayaran pada modul SENARAI PERMOHONAN dan klik pada sijil digital serta pilih BATAL pada cetakan invois.
14. Pemohon perlu muat naik resit, masukkan nombor resit, tarikh pembayaran dan tekan butang SETERUSNYA.
15. Urusetia akan membuat pengesahan sebelum kelulusan cetakan Lesen.
16. Pemohon boleh mencetak lesen pada modul Cetakan Sijil.
17. Sila rujuk panduan bergambar pada muka surat 31 yang disediakan dalam Manual Pengguna Sistem e-AMH 2.0

PROSES PERMOHONAN PEMBAHARUAN BAGI PENDAFTARAN SIJIL PEMBUAT

1. Pemohon boleh membuat **permohonan pembaharuan** Sijil Pembuat 3 bulan sebelum tarikh luput sijil iaitu bermula 1 Oktober setiap tahun.
2. Permohonan selepas tarikh 1 Disember dikira sebagai permohonan lewat.
3. Pemohon **wajib mengisi REKOD PEMBUATAN sepanjang tahun** (mengikut suku tahun) pada sistem e-AMH sebelum memohon pembaharuan Pendaftaran Sijil Pembuat.
4. Selepas pemohon selesai menghantar Rekod Pembuatan, barulah permohonan pembaharuan boleh dibuat.
5. Bagi permohonan pembaharuan, pemohon perlu memilih butang pendaftaran Sijil Pembuat pada paparan skrin sistem e-AMH dan memilih butang Pembaharuan Sijil Pembuat.
6. Pemohon perlu menekan butang perakuan bagi mengesahkan butiran permohonan adalah benar dan kemudian klik butang HANTAR PERMOHONAN.
7. Pemohon boleh menyemak status permohonan pada paparan SENARAI PERMOHONAN di skrin sistem e-AMH.
8. Pemohon akan menerima notifikasi melalui emel atau NOTIS pada sistem e-AMH jika permohonan telah diluluskan.
9. Klik modul **SENARAI PERMOHONAN**, kemudian klik butang \$ di ruangan tindakan, cetak invois, dan buat pembayaran di kaunter Seksyen Kewangan dan Akaun, Putrajaya.
10. Bayaran boleh dibuat di Seksyen Kewangan dan Akaun, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Tingkat 1, Blok Podium 1A, Bangunan 4G1, Wisma tani, No 28, Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya.

11. Sila rujuk **BAYARAN LESEN MENGIMPORT / SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT / SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL** untuk cara-cara pembayaran dan fi yang dikenakan.
12. Pemohon boleh membuat bayaran secara tunai, bank draf, cek, kiriman wang atau wang pos atas nama KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR sahaja.
13. Pemohon dikehendaki memuat naik resit pembayaran pada modul SENARAI PERMOHONAN dan klik pada sijil digital serta pilih BATAL pada cetakan invois.
14. Pemohon perlu muat naik resit, masukkan nombor resit, tarikh pembayaran dan tekan butang SETERUSNYA.
15. Urusetia akan membuat pengesahan sebelum kelulusan cetakan sijil.
16. Pemohon boleh mencetak lesen pada modul Cetakan Sijil.
17. Sila rujuk panduan bergambar pada muka surat 52 yang disediakan dalam Manual Pengguna Sistem e-AMH 2.0

PROSES PERMOHONAN PEMBAHARUAN BAGI PENDAFTARAN SIJIL PENJUAL

1. Pemohon mula boleh membuat **permohonan pembaharuan** Sijil Penjual 3 bulan sebelum tarikh luput sijil iaitu bermula 1 Oktober setiap tahun.
2. Permohonan selepas tarikh 1 Disember dikira sebagai permohonan lewat.
3. Pemohon wajib mengisi **REKOD PENJUALAN** sepanjang tahun (mengikut suku tahun) pada sistem e-AMH sebelum memohon pembaharuan Pendaftaran Sijil Penjual.
4. Selepas pemohon selesai menghantar Rekod Penjual, barulah Permohonan pembaharuan dapat dibuat.

5. Bagi Permohonan pembaharuan, Pemohon perlu memilih butang pendaftaran Sijil Penjual pada paparan skrin sistem e-AMH dan memilih butang Pembaharuan Sijil Penjual.
6. Pemohon perlu menekan butang perakuan bagi mengesahkan butiran permohonan adalah benar dan kemudian klik butang HANTAR PERMOHONAN.
7. Pemohon boleh menyemak status permohonan pada modul SENARAI PERMOHONAN sistem e-AMH.
8. Pemohon akan menerima notifikasi melalui emel dan NOTIS pada sistem e-AMH jika permohonan telah diluluskan.
9. Klik modul **SENARAI PERMOHONAN**, kemudian klik butang \$ di ruangan tindakan, cetak invois, dan buat pembayaran di kaunter Seksyen Kewangan dan Akaun, Putrajaya.
10. Bayaran boleh dibuat di Seksyen Kewangan dan Akaun, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Tingkat 1, Blok Podium 1A, Bangunan 4G1, Wisma tani, No 28, Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya.
11. Sila rujuk **BAYARAN LESEN MENGIMPORT / SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT / SIJIL PENDAFTARAN PENJUAL** untuk cara-cara pembayaran dan fi yang dikenakan.
12. Pemohon boleh membuat bayaran secara tunai, bank draf, cek, kiriman wang atau wang pos atas nama KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR sahaja.
13. Pemohon dikehendaki memuat naik resit pembayaran pada modul SENARAI PERMOHONAN dan klik pada sijil digital serta pilih BATAL pada cetakan invois.
14. Pemohon perlu muat naik resit, masukkan nombor resit, tarikh pembayaran dan tekan butang SETERUSNYA.
15. Urusetia akan membuat pengesahan sebelum kelulusan cetakan sijil.

16. Pemohon boleh mencetak lesen pada modul Cetakan Sijil.

17. Sila rujuk panduan bergambar pada muka surat 72 yang disediakan dalam Manual Pengguna Sistem e-AMH 2.0

PROSES PERMOHONAN PERUBAHAN BAGI LESEN MENGIMPORT

1. Bagi sebarang **perubahan Lesen Mengimport**, pemohon perlu membuat permohonan melalui sistem e-AMH.
2. Bagi permohonan perubahan, pemohon perlu memilih butang Lesen Mengimport pada paparan skrin sistem e-AMH, kemudian pilih butang Perubahan Lesen.
3. Jenis-Jenis Permohonan Perubahan Maklumat;
 - i. Perubahan maklumat syarikat
 - ii. Ubah nama item
 - iii. Buang item
 - iv. Tambah Item
 - v. Ubah alamat stor item
 - vi. Ubah kategori / subkategori
4. Maklumat syarikat yang boleh diubah ialah no. kad pengenalan pemohon, nama pemohon, nama syarikat, alamat syarikat dan pintu masuk.
5. **Perubahan maklumat syarikat;**
 - i. Pemohon perlu memilih kotak maklumat yang ingin diubah.
 - ii. Pemohon perlu memasukkan maklumat baru di kotak yang disediakan.
 - iii. Bagi perubahan no. kad pengenalan, pemohon perlu muatnaik salinan kad pengenalan pemohon.
 - iv. Bagi perubahan nama syarikat, pemohon perlu muatnaik salinan SSM.
 - v. Bagi perubahan alamat syarikat, pemohon perlu muatnaik salinan bil utiliti.
 - vi. Bagi perubahan pintu masuk, pemohon perlu menekan butang KEMASKINI PINTU MASUK.
 - vii. Pemohon perlu menekan kotak pada pilihan pintu masuk yang ingin diubah dan klik TUTUP.

- viii. Pemohon perlu klik pada butang **kemaskini pintu masuk** dan menyenaraikan semua pintu masuk yang ingin dipohon.

6. **Ubah nama item/pembungkusan;**

- i. Pada medan ini, pemohon boleh memohon perubahan ubah nama item atau ubah pembungkusan.
- ii. Pemohon perlu menekan butang SENARAI ITEM.
- iii. Pemohon perlu menekan butang kotak pada ruangan Tindakan dan klik TUTUP.
- iv. Pemohon perlu klik butang PENSIL pada ruangan tindakan.
- v. Pemohon perlu memasukkan nama item baru, memuat naik penyata pelabelan dan penyata pembungkusan dan menekan butang SIMPAN MAKLUMAT.
- vi. Pemohon perlu menekan butang SETERUSNYA dan klik butang perakuan serta butang HANTAR PERMOHONAN.

7. **Buang Item;**

- i. Pemohon perlu menekan butang SENARAI ITEM.
- ii. Pemohon perlu menekan butang kotak pada ruangan Tindakan dan klik TUTUP.
- iii. Pemohon perlu menekan butang SETERUSNYA dan klik butang perakuan serta butang HANTAR PERMOHONAN.

8. **Tambah item;**

- i. Pemohon perlu menekan butang TAMBAH ITEM pada ruangan tambah item pada paparan skrin sistem e-AMH dan memilih masukkan maklumat-maklumat berikut;
- ii. Item (masukkan nama item/jenama produk yang akan diimport)
- iii. Negara asal
- iv. Nama pengilang
- v. Alamat pengilang
- vi. Kategori dan sub kategori. Sila rujuk **lampiran 1**
- vii. Kuantiti (dalam unit matrix tan)
- viii. Alamat penyimpanan
- ix. Jenis haiwan yang dirujuk. Sila rujuk **lampiran 3** bagi senarai haiwan.

- x. Bahan mentah dan takat penggunaanya (bagi bahan mentah yang mempunyai takat penggunaan). Sila rujuk **lampiran 2** bagi senarai takat penggunaan yang dibenarkan. Takat yang melebihi dari takat yang dibenarkan tidak akan diterima dan permohonan akan ditolak. Jika ada bahan mentah tiada dalam senarai, pemohon perlu emel Urusetia untuk menambah bahan mentah yang baru.
- xi. Pemohon perlu memuat naik dokumen-dokumen berikut (Hanya dokumen *JPG, JPEG, PDF @ PNG* sahaja yang boleh dimuatnaik);
- xii. **Penyata Penyata Negara Asal (*Certificate of Origin*)**. Sijil ini hendaklah dikeluarkan oleh pihak negara asal pengeksport dan mestilah dari pihak Kerajaan dan bukannya pengilang atau pihak swasta.
- xiii. ***Free Sale Certificate (FSC)*** sebagai pengganti kepada COO (Jika ketiadaan COO). FSC hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa kompeten negara asal dan bukannya dari pengilang atau pihak swasta.
- xiv. **Spesifikasi** Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan atau Certificate of Analysis (COA) bagi setiap item. Sijil analisis COA hendaklah disahkan oleh pihak berkuasa kompeten dari Negara Asal atau dikeluarkan oleh makmal kerajaan di Negara asal atau dikeluarkan oleh makmal pihak ketiga di negara asal yang mendapat pensijilan ISO/IEC 17025 / mempunyai lain-lain akreditasi atau pensijilan. Satu salinan sijil akreditasi ISO makmal juga perlu dilampirkan bersama. Sila rujuk lampiran 4 bagi parameter COA.
- xv. **Penyata pembuatan (*process flow*)** bagi pengilangan atau pembuatan produk dengan menerangkan cara pembuatan serta bahan mentah (*raw material*) yang digunakan dan disahkan oleh pengilang (nama dan jawatannya).
- xvi. **Penyata deklarasi daripada pihak pengeluar** yang menerangkan maksud bahawa kesemua item yang diimport samada mengandungi atau tidak unsur tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih atau mikroorganisma.
- xvii. **Penyata deklarasi daripada pembuat** dengan menyatakan sumber biologik yang digunakan dan nama saintifiknya (bagi produk biologik sahaja).
- xviii. **Penyata pembungkusan** iaitu gambar bungkusan produk sebenar, ilustrasi produk 2D atau 3D. Pandangan tepi, depan dan belakang. Gambar atau ilustrasi hendaklah berwarna dan jelas. Sila rujuk **lampiran 5** bagi penyata

pembungkusan.

- xix. **Penyata pelabelan** iaitu gambar label pada bungkusan dengan berwarna dan jelas. Label ini hendaklah mematuhi keperluan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012. Sila rujuk **lampiran 6** bagi penyata pelabelan.
- xx. Surat Kelulusan daripada Seksyen Perkhidmatan Import Eksport (SPIE), DVS bagi produk yang mengandungi asas haiwan (animal based) selain ikan. Contoh seperti susu, keju, telur, daging ayam, lembu, meat & bone meal (MBM) dan lain-lain.
- xxi. Surat kelulusan atau pendaftaran daripada Seksyen Biologi dan Perubatan Veterinar, DVS bagi produk biologi (e.g probotik, yis, enzim, hormon, vaksin) yang tiada di dalam senarai GRAS (*Generally Recognized As Safe*). Sila rujuk **lampiran 7** bagi senarai GRAS.
- xxii. Sekiranya item **diimport secara pukal**, satu pernyataan pelabelan perlu **dicetak pada sehelai kertas dan disertakan bersama permohonan Lesen Mengimport**.
- xxiii. Penyata pelabelan tersebut hendaklah dicetak di atas *letterhead* rasmi pengilang dari negara asal dan perlu disertakan bersama konsainan semasa pengangkutan
- xxiv. Pemohon perlu klik SIMPAN MAKLUMAT selepas setiap kali memasukkan maklumat.
- xxv. Jika terdapat beberapa item berlainan, pemohon boleh mengulangi langkah yang sama di atas.

9. Ubah Alamat Stor Item;

- i. Pemohon perlu menekan butang SENARAI ITEM pada ruangan ubah alamat stor item.
- ii. Pemohon perlu menekan butang kotak pada ruangan Tindakan dan klik TUTUP.
